

Sedia pusat aktiviti orang tua

» PM gesa pemaju utamakan kemudahan

Oleh Norakmah Mat Youb
dan Nor Fariza Ramlan
bhnews@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

Pemaju projek perumahan baru disaran menyediakan pusat aktiviti warga tua bagi membolehkan golongan berkenaan mengisi masa lapang bersama masyarakat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata penuhanan pusat itu perlu diberi perhatian khusus kerana keperluannya seperti menyediakan TASKA dan TADKA.

Beliau berucap pada sambutan Hari Warga Emas 2012, di sini, semalam.

Majlis bertemakan ‘Warga Emas Produktif: Melakar Masa Depan’ itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kie.

Sijil penghargaan

Pada majlis berkenaan Najib turut menyampaikan sijil penghargaan kepada tujuh warga tua yang masih produktif dan banyak menyumbangkan jasa kepada masyarakat dan negara.

Universiti Sains Malaysia,



Najib bersalaman dengan warga tua termasuk artis veteran, Hamid Gurkha pada majlis Hari Warga Emas 2012 di ibu negara, semalam.



[FOTO EFFENDY RASHID/BH]

Universiti Putra Malaysia, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti dan Universiti Terbuka Malaysia turut menerima sijil penghargaan kerana menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat

Najib yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, bagi tujuan itu, 45 dewan di bawah kementerian itu akan digunakan sebagai pusat aktiviti warga tua.

Perdana Menteri turut mengingatkan walaupun kerajaan menyediakan pelbagai bentuk bantuan untuk warga tua,

sumbangan anak kepada ibu bapa adalah paling penting.

Pastikan terus aktif

Terdahulu, Najib berkata, kerajaan akan terus mengutamakan aspek persediaan negara menghadapi cabaran penuaan bagi memastikan warga tua dapat terus aktif dan bermaruah.

Beliau berkata, antaranya termasuk geran dan pinjaman mudah sehingga RM80,000 kepada warga tua yang ingin menubuhkan koperasi baru melainkan Koperasi 1Malaysia (KAR1SMA) sebagai bantuan kepada 150,000 warga tua tahun ini.

dan Kepenggunaan.

“Geran automatik RM30,000 akan ditawarkan berdasarkan projek koperasi dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pada masa sama koperasi diberi keistimewaan membuat pinjaman sebanyak RM50,000 lagi tanpa cagaran berbanding melalui bank perdagangan,” katanya.

Selain itu, Najib berkata, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM496 juta di bawah program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (KAR1SMA) sebagai bantuan kepada 150,000 warga tua tahun ini.